

MAHATHIR BIDAS MEDIA MASSA BARAT

MM
3 JUN 1985

PETALING JAYA 4 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas media massa Barat kerana memberi gambaran Islam dengan tujuan menimbulkan salah faham dan perasaan takut.

Perdana Menteri berkata amat dikesali sekali kemajuan teknologi komunikasi tidak digunakan untuk meningkatkan fahaman terhadap Islam, agama bagi 1,000 juta umat manusia.

Sebaliknya, ia digunakan untuk menimbulkan perasaan takut dan prasangka, kata beliau ketika merasmikan perhimpunan agung kedua Majlis Dakwah Islamiah Rantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) di sini. Para perwakilan dari 16 buah negara dan enam pertubuhan antarabangsa menghadiri sidang sehari itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata media massa Barat, menerusi kejahilan dan putar belit, telah membentuk imej Islam sebagai satu agama yang tidak perlu difahami dan hanya perlu ditakuti.

Katanya, adalah salah bagi para pengkritik yang berat sebelah ini membayangkan bahawa usaha memupuk cara hidup Islam akan mengancam hak-hak umat bukan Islam.

Beliau berkata penelitian sejarah secara objektif akan menunjukkan bahawa sistem Islam menjamin pemeliharaan hak-hak kaum minoriti bukan Islam.

Sejak waktu Nabi Muhammad lagi kaum-kaum minoriti diberikan kedudukan setaraf dengan masyarakat Islam.

Perdana Menteri berkata memang terdapat puak pelampau dalam setiap agama dan ideologi dan memandangkan hakikat ini, adalah salah untuk menganggap kewujudan beberapa orang fanatik, dalam Islam sebagai bukti bahawa Islam merupakan agama yang harus ditakuti.

Beliau mengecam pihak-pihak Barat yang kononnya "pakar Islam" yang menurut beliau sebenarnya tidak mengetahui ajaran Islam walaupun yang paling asas.

"Mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai sejarah Islam dan ehwal semasa walaupun pada peringkat asas," tegas beliau.

Sebagai contoh, Datuk Sri Dr. Mahathir memetik sebuah buku bertajuk "Militant Islam" oleh Janson yang mengatakan di Malaysia, yang seba-

hagiannya dikatakan di bawah pengaruh Iran, puak-puak

"Fundamentalist" Islam mencampakkan peti TV ke dalam sungai dan mengoyak-ngoyakkan tempat duduk lembut kereta mereka untuk digantikan dengan bangku kayu.

"Saya ingin menjemputnya (penulis tersebut) ke sini untuk memeriksa sungai-sungai kita sama ada terdapat peti-peti TV yang telah dicampakkan dan memerhati lebu-lebu raya kita sama ada terdapat kereta-kereta yang berbangku kayu," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata usaha Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa untuk memupuk nilai-nilai positif selaras dengan ajaran Islam telah juga dikritik dan disalahtafsirkan oleh pihak media antarabangsa.